

Tawar pengajian jarak jauh secara dalam talian

USIM, AeU tandatangani MoU

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 19 April - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperhebatkan sistem pendidikannya dengan menawarkan program pengajian jarak jauh secara dalam talian bagi peringkat diploma dan ijazah melalui portal Malaysian Education Online (Medo).

Kejayaan itu merupakan hasil kerjasama pintar antara USIM dan Asia e University (AeU) dalam usaha mewujudkan akses pembelajaran lebih terbuka, mudah dan efisien ke arah melahirkan lebih ramai masyarakat berilmu.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda berkata, inisiatif berkenaan selari dengan Projek Permulaan (EPP) Ke-6 yang diumumkan kerajaan bagi memfokuskan kepada keperluan memperkembangkan Pendidikan Jarak Jauh Antarabangsa di negara ini.

“Medo telah membuka peluang serta mewujudkan satu kaedah alternatif pembelajaran kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya terhadap warga USIM untuk belajar secara dalam talian.

“Malah, menerusi kerjasama dengan AeU, ia turut membolehkan USIM menembusi pasaran pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa yang semakin berkembang menerusi program pengajian yang ditawarkan,” katanya ketika beru-

Medo telah membuka peluang serta mewujudkan satu kaedah alternatif pembelajaran kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya terhadap warga US

DR. MUHAMMAD MUDA
Naib Canselor USIM

cap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan AeU di sini baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif AeU, Prof. Datuk Dr. Ansary Ahmed.

Muhammad menambah, perkembangan sistem pengajian itu bukan sahaja diyakini dapat mencapai matlamat menjana lebih ramai modal insan berdaya saing, malah akan menjadi salah satu sumber pendapatan baru kepada USIM.

“Program seperti ini dilihat semakin berkembang pesat di peringkat global iaitu di rantau ini sahaja ia memperlihatkan pertumbuhan pada kadar 12 peratus setahun sejak 10 tahun lalu. Trend ini dijangka



DR. ANSARY Ahmed (dua dari kiri) bertukar dolumen MoU dengan Dr. Muhammad Muda di Seremban, baru-baru ini.

berterusan memandangkan banyak negara sedang berusaha untuk mengaplikasikannya,” ujarnya.

Antara kursus dan program diploma serta ijazah yang ditawarkan menerusi Medo di Usim termasuk Sarjana

Pentadbiran Muamalat, Sarjana Bahasa Arab Komunikasi, Sarjana Undang-Undang Perbandingaran dan Diploma Siswazah dan Sarjana Dalam Peralyhalgunaan Dadah (SPADA).

Kursus lain yang turut ditawarkan

kan iajah Sarjana dan Doktor Falsafah Keselamatan dan Jaminan Maklumat, Sarjana dan Doktor Falsafah Quran dan Sunnah serta Sarjana dan Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam.